



46 23/11/2011 B2

SETIAP tahun, ribuan graduan yang lengkap berpakaian jubah dan papan mortar akan tersenyum megah, bermula daripada perhimpunan di luar dewan sehingga ke bibit kaki melangkah ke atas pentas menerima ijazah yang diidam-idamkan selama ini.

Perarakan penuh istiadat kakitangan akademi yang turut diiringi graduan dalam pakaian tersergam indah dengan wajah penuh kegirangan adalah satu pemandangan yang penuh bermakna, bukan sahaja bagi graduan itu sendiri tetapi juga hadirin yang turut berada di dewan menyaksikan peristiwa bersejarah

itu. Apatah lagi para ibu bapa yang telah lama bersusah payah menyara hidup ahli keluarga dan penat lelah seolah-olah terubat dengan penganugerahan ijazah tersebut.

Ijazah merupakan satu pengiktirafan kepada para pelajar di peringkat pengajian Tinggi selepas bertungkus lumus selama tiga hingga empat tahun mempelajari teori-teori dan membuat penyelidikan. Oleh yang demikian bukan semua pelajar yang bertuah untuk mendapat dan menggenggam segulung ijazah. Justeru itu sempena dengan penganugerahan ijazah tersebut akan diadakan sambutan besar-besaran yang dikenali

Tamu Gadang yang bermula 21hb hingga 2hb Disember 2011 untuk meraikan kegembiraan dan kebahagiaan graduan Universiti Malaysia Sabah.

Sambutan Tamu Gadang amat bererti dengan adanya pelbagai pameran akademik terutamanya daripada penyelidikan-penyeleidikan yang telah dilakukan oleh para pensyarah dan juga pameran kolej-kolej kediaman. Selain daripada itu pelbagai aktiviti disediakan dalam bentuk pertandingan kepada orang ramai supaya suasana dan aura kemeriahan sambutan turut dirasai oleh semua pengunjung.

Lantaran itu bagi graduan yang akan menerima segulung ijazah

gunakanlah sebaik mungkin peluang untuk membawa kedua ibu bapa berkunjung ke gerai-gerai sepanjang Sambutan Tamu Gadang dijalankan. Hiburkanlah hati mereka dan salah satu caranya adalah dengan mempamerkan sikap berterima kasih dengan membawa mereka membeli belah dan memperkenalkan kepada rakan-rakan yang lain kerana sentiasa menyokong dan mendokong setiap aktiviti yang telah anda lakukan sepanjang tempoh pengajian.

Selain daripada itu ucapkanlah terima kasih dan mohon dihalalkan segala-galanya diatas pengorbanan wang ringgit, keringat, masa dan sebagainya dalam mendidik

anda dari kecil hingga berjaya menggenggam segulung ijazah. Tanpa mereka siapalah diri anda sekarang?
Oleh yang

demikian sekalung tahniah untuk anda yang bergelar Graduan dan juga untuk anak-anak yang telah berjaya mendapat 5A dalam UPSR. Anda memang Hebat!



- Sekadar gambar hiasan.